

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 February 2016

Polis sedang lengkapkan kertas siasatan

UM - 28/2/2016

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Polis sedang melengkapkan kertas siasatan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed berhubung kenyataan dalam blognya, *chedet.cc* yang didakwa berunsur fitnah.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim berkata, polis kini sedang dalam proses meneliti rakaman percakapan sebelum merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (DPP).

"Kita sudah membuka kertas siasatan dan sedang meneliti segala keterangan yang diambil. Polis masih menjalankan siasatan dan apabila lengkap, kita akan serahkan kepada DPP untuk tindakan lanjut," katanya di sini hari ini.

Pada 3 Februari lalu, Dr. Mahathir dalam tulisannya di blog *chedet.cc* mendakwa Peguam Negara, Tan Sri Mohamad Apandi Ali tidak akan mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam kes SRC International dan dana RM2.6 bilion kerana kononnya terhutang budi dengan beliau.

Bekas Perdana Menteri itu juga mendakwa Mohamad Apandi tidak mahu Peguam Negara Switzerland tahu sama ada wang di dalam akaun-akaun peribadi Perdana Menteri tersebut datang daripada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ataupun tidak.